

KARYA INDIE: KONFLIK REMAJA PEREMPUAN *(INDIE LITERARY WORK: MUSLIM TEENAGE CONFLICTS)*

**Nor Hasimah Ismail¹ & Nordiana Ab. Jabar² Rafizah Mohd Rawian³
Marzalina Mansor⁴**

¹ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia. Email: nhsimah@uum.edu.my

² Department of Heritage, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan.

Email: nordiana.aj@umk.edu.my

³ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia. Email: rafizah@uum.edu.my

⁴ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia. Email: marzalina@uum.edu.my

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 12 July 2018

To cite this document: Nor Hasimah, I., Nordiana, A. J., Rafizah M. R., and Marzalina, M. (2018). Karya Indie: Konflik Remaja Perempuan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3 (11), 106 - 116.

Abstrak: Perubahan kepada gaya penulisan novel menjadi gaya atau trend terkini. Karya indie adalah karya yang makin popular dan diminati. Karya sebegini bebas dan tidak terikat dengan struktur penulisan. Kajian ini menumpukan novel *So my liar* berkaitan konflik yang dialami oleh remaja dalam usaha mengumpul dana untuk MRSM. Konflik berlaku apabila perbezaan pendapat dan pandangan antara beberapa pihak. Faktor utama konflik adalah faktor dalaman dan luaran. Ciri-ciri individu yang berkonflik ialah bertindak agresif, konflik yang terselindung dan agresif dan tanda konflik tersembunyi dan agresif. Bagi mengatasi masalah konflik seseorang individu haruslah mengikuti ajaran Islam sebaiknya dan meninggalkan segala larangan. Ini akan menolong seseorang bertindak secara rasional bukanlah emosional.

Kata Kunci: Karya indie, konflik, remaja, ajaran Islam, dan agresif

Abstract: Changing of style in novel writing has becoming the latest trend. Indie literary work is beginning to gain popularity and interest. This work is free from the writing structure. This study focuses on the novel entitled "So My Liar" that was written to raise some funds for MRSM. This novel deals with teenage conflicts. The conflicts occurred when there were differences in views between parties. The main factor of the conflicts is the internal and external factors. The characteristics of a conflicting individual are aggressive acts, hidden and aggressive conflicts and hidden signs of aggression. To overcome a conflict, an individual should follow the Islamic teachings accordingly and abandon all its embargoes. These will help a person to act rationally not emotionally.

Key Words: Indie Literary Work, Conflicts, Teenagers, Islamic Teachings, Aggression

Pengenalan

Konflik atau dalam bahasa latin *confligere* merujuk keadaan apabila wujud pertembungan kepentingan dua pihak yang masing-masing mempunyai kepentingan yang berbeza dan saling bersaing. Perselisihan atau pertentangan terjadi apabila setiap pihak mengikut pendirian, nilai dan perasaan masing-masing. Konflik sering berlaku dalam setiap golongan masyarakat. Dalam kehidupan ini manusia akan mengalami kesusahan, kesakitan, kelemahan dan kekurangan. Hal ini akan menyebabkan berlakunya konflik yang sangat unik dan sukar untuk diramalkan. Menurut Amran Hassan (2011:1) konflik dikaitkan dengan suatu keadaan yang kurang menyenangkan antara satu sama lain terhadap sesuatu perkara, dan ia juga mendatangkan kesan yang baik dan buruk. Robiah Kulop Hamzah (1994) menyatakan remaja merupakan golongan perantaraan antara yang muda dengan dewasa. Peringkat umur remaja dianggap golongan pendesak, pewaris khazanah dan harapan setiap bangsa dan agama. Noraini (1994) pula mengatakan Islam telah meletakkan tanggungjawab kepada setiap individu muslim yang mukalaf (cukup umur dan wajib mematuhi hukum-hakam Islam) Di sini jelas menunjukkan kanak-kanak yang telah baligh dengan sendirinya telah memasuki alam remaja dan bertanggungjawab di atas segala perbuatannya.

Apabila konflik berlaku secara tidak langsung akan berlaku percanggahan, pertelingkahan, perbezaan dan persaingan di antara dua atau lebih pihak. suatu persepsi timbul bahawa konflik itu adalah suatu yang dan tidak dikehendaki dalam kehidupan seseorang mahupun dalam kelompok dan organisasi. Hal ini kerana konflik akan menimbulkan pelbagai kesan negatif seperti perpecahan, pergaduhan, kecederaan, kekecewaan, kemusnahan dan kematian.

Kajian ini akan meneliti novel indie karya Putraery Ussin terbitan tahun 2012 yang berkisar tentang kisah konflik remaja di MRSM yang cuba mengumpul dana untuk rakyat Somalia. Kini penerbitan novel indie semakin banyak di pasaran. Kebiasaannya peminat karya indie ini ialah remaja yang membaca untuk mengisi masa lapang. Indie berasal daripada perkataan *independent* yang bermaksud merdeka dan bebas untuk berdiri sendiri. Genre ini juga dianggap lebih santai dan bersahaja. Kebiasaannya novel ini bebas ditulis dan diterbitkan oleh penerbit. Genre yang dipaparkan agama, aksi, cinta, cuti-cuti, fantasi, gender, grafik, jenayah, komedi, misteri, penyiasatan, misteri, persahabatan, seram, psikotik, politik, sukan dan lain-lain. Sastera indie juga dimanifestasikan sebagai kebebasan berfikir, idea yang diutarakan tidak terkawal, tiada ikatan peraturan. Malahan tidak terikat dengan undang-undang penerbitan atau norma hidup.

Remaja adalah period pertumbuhan antara masa kanak-kanak dan dewasa. Zaman remaja adalah perkembangan perubahan yang berhubung dengan psikoseksual dan perubahan dalam hubungan orang tua dan cita-cita mereka. Zaman remaja juga adalah satu tempoh seseorang individu mengalami perubahan dari sudut emosi, fizikal mahu pun sosial. Pembentukan cita-cita merupakan proses pembentukan orientasi masa depan. Dari Aspek psikososial zaman remaja merupakan tahap krisis identiti melawan kekeliruan peranan. Dalam proses pembentukan identiti inilah yang paling penting. Jika seseorang remaja gagal mencapai identiti diri maka lambatlah mereka mencapai kedewasaan

Dalam kehidupan yang serba mencabar ini permasalahan sering berlaku. Justeru, situasi inilah yang menyebabkan wujudnya konflik. Remaja adalah insan yang tidak dapat lari daripada yang menyebabkan berlakunya konflik. Sebenarnya sesuatu masalah yang berlaku itu, bukan

berpunca daripada faktor-faktor luaran sahaja seperti kesilapan teknik dan lain-lain, tetapi bersangkutan dengan faktor dalaman atau rohaniah manusia.

Hubungan sosial sesama manusia. Adakalanya menimbulkan konflik. Itu pasti. Dan apakah konflik itu sesuatu yang menakutkan sehingga tatkala terjadinya sesuatu isu masing-masing berusaha untuk memenangkan diri, mencari kesalahan yang lain? Memang begitukah corak permainannya? Atau apakah konflik itu suatu lumrah kehidupan, hadiah daripada Dia untuk memberi ruang kepada umat manusia memuat naik (upload) mutiara-mutiara daripada Al-Quran bagi meleraikan kekusutan yang melanda? Tanpa konflik, Quran itu penawar untuk apa? Dan memang di sebalik apa yang berlaku, tiada yang sia-sia. Ada tarbiyyah penuh cinta daripada Allah SWT di sebalik kesulitan yang dihadapi.

Sikap ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al Hadid ayat 22 – 23 yang bermaksud:

Setiap bencana yang menimpa di bumi dan yang menimpa dirimu sendiri telah tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfudz) sebelum Kami menjadikannya. Sesungguhnya, itu semua mudah bagi Allah. Agar kamu tidak bersedih hati terhadap apa yang hilang daripada kamu dan tidak pula terlalu gembira terhadap apa yang diberikan Nya kepada mu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong membanggakan diri.

Konflik yang berlaku, memang merunsingkan. Sekecil-kecil konflik dengan diri sendiri atau konflik dengan manusia yang lain. Terbentang di hadapan 2 pilihan, untuk menilai memperbaiki diri, mengambil tanggungjawab menyusun kembali ruang perbaikan atau terus melepaskan tanggungjawab tersebut kepada pihak yang lain. Lalu, “*blaming game*” pun bermula. Sama seperti permainan yang dimulakan iblis, enggan *take charge* terhadap konflik yang berlaku lantas menyalahkan pihak lain.

Firman Allah SWT dalam ayat 16-17 Surah Al-‘Araf

(Iblis) menjawab “Kerana Engkau telah menyesatkan aku, maka aku akan selalu menghalang mereka daripada jalanMu yang lurus, kemudian pasti aku akan mendatangi mereka daripada depan, belakang, kanan, dan kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur.

Bertitik tolak daripada hati yang enggan ‘*take charge*’ atas kesalahan diri, terus memulakan ‘*blaming game*’, semua ini bercambah menjadi dendam kesumat serta azam untuk terus menjatuhkan pihak yang lain. Sedangkan isu asalnya, masih tidak diselesaikan. Bahkan menambah lagi masalah yang baru.

Tinjauan

Kajian telah novel dibuat oleh Zurina Abu UUM 2011 bertajuk *Faktor Tingkah laku devian dalam kalangan remaja*. Kajian ini berkenaan berbagai-bagai ragam krisis akhlak dan moral menular khususnya golongan remaja. Kini wabak ini sudah menjangkiti remaja sejak sekolah lagi. Responden kajian terdiri daripada pelajar SMK Changlun dan SMK Bukit Kayu Hitam. Bilangan remaja yang terlibat juga semakin meningkat. Faktor peribadi dan dalaman pelajar dipengaruhi oleh institusi keluarga. Ciri-ciri tingkah laku dan gaya asuhan mempengaruhi

didikan seorang remaja. Kajian ini turut menyentuh jenayah devian dan faktor jenayah. Hasil kajian mendapati faktor pelajar yang terlibat dalam jenayah ini mempunyai peribadi yang rapuh dan terpengaruh dengan gejala sosial. Gaya asuhan keluarga autoritarian dan persimif. Rakan sebaya pula mempunyai pengaruh yang besar. Jiran dan masyarakat memandang serong terhadap remaja yang berkelakuan sedemikian. Sehubungan itu, semua pihak harus bekerjasama dalam menangani masalah ini.

Kajian seterusnya ialah peringkat sarjana tahun 2014 dari Universiti Sains Malaysia dibuat oleh Nor Shuhada binti Rosli yang bertajuk *Paparan Identiti oleh remaja kajian kes terhadap beberapa blog pilihan*. Kajian ini mengkaji paparan identiti remaja dalam beberapa bog terpilih. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa ciri-ciri identiti yang dipaparkan di blog remaja lelaki dan perempuan seperti biodata diri, halaman (*layout*) penggunaan warna an hiasan ain di blog. Malah pemilik blog remaja lelaki cenderung memaparkan perkara positif dan bukan peribadi. Berbanding remaja perempuan yang lebih cenderung memaparkan perkara peribadi di blog mereka. Oleh itu, kajian ni menunjukkan identity maya yang dicipta oleh pemilik blog remaja lelaki dan perempuan dibina daripada identity dan watak mereka di luar alam maya.

Kajian selanjutnya di peringkat sarjana oleh Norhana binti Bakhary bertajuk *Awalan Pe(N) dalam novel "Sander" satu analisis bentuk dan makna* pada tahun 2002 dari Universiti Putra Malaysia. Aspek yang dianalisis berdasarkan pendekatan Asmah Hj Omar, Nik Safiah Karim dan Abdullah Hassan. Kaedah yang digunakan ialah penyelidikan perpustakaan dengan kaedah analisis kandungan teks. Kajian ini menunjukkan bahawa imbuhan awalan pe (N)- telah digunakan secara produktif dan meluas dalam menerbitkan kata nama terbitan dan boleh menimbulkan pelbagai makna. Kajian ini juga membuktikan bahawa imbuhan awalan pe(N)-meme\punyai peranan penting dalam pembinaan kata yang menunjukkan bahawa pengimbuhan pada kata dasar boleh membawa kepada perubahan bentuk dan makna sesuatu perkataan.

Kajian peringkat Doktor falsafah berkenaan novel telah dikaji oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi bertajuk *Pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu* pada tahun 2005 di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat daripada 20 novel yang menggunakan pendekatan psikologi dan etika. Objektif kajian ini untuk menganalisis pemikiran yang diungkapkan oleh pengarang dan melihat kepelbagaian teknik penceritaan yang digunakan dalam novel yang dikaji. Kajian ini menganalisis pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosio politik dan sosioekonomi dalam karya-karya pilihan. Aspek ini diteliti untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat. Seterusnya menganalisis teknik penceritaan pula merangkumi teknik pemerian, tuturan yang terdiri dan kejutan. Teknik tersebut mempunyai fungsi masing-masing dalam perkembangan plot cerita.

Kajian seterusnya bertajuk *Persoalan dalam novel Norhayati Berahim* oleh Nun Haslina binti P. Ramli dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2007. Kajian ini bertolak daripada tanggapan umum bahawa novel-novel penulis muda dikatakan lebih cenderung terhdap persoalan-persoalan yang ringan. Sehubungan itu, kajian ini menganalisis tiga buah novel Norhayati Berahim, iaitu *Hati seorang wanita*, *Sayang tak terucap* dan *Cinta pertama*, mengenal pasti sama ada novel-novel beliau cenderung terhadap persoalan-persoalan yang ringan atau sebaliknya. Analisis mendapati bahawa novel-novel yang dikaji cenderung dalam mengutarakan persoalan-persoalan tertentu yang pada asasnya dapat dibahagikan kepada dua,

iaitu persoalan positif, dan persoalan negative. Merujuk kepada persoalan positif, analisis mengenal pasti persoalan-persoalan seperti cinta dan kasih sayang, kepercayaan kepada Allah, kesabaran, tanggungjawab, ketabahan hati, kemaafan, kesetiaan dan keinsafan. Merujuk kepada persoalan yang negative pula, analisis mengenal pasti persoalan-persoalan seperti keruntuhan yang negates seperti keruntuhan moral, cemburu, kecurangan, kekecewaan, dendam, kesedihan dan penipuan. Walau bagaimanapun, analisis turut mengenal pasti bahawa persoalan-persoalan-persoalan tersebut tidak dapat digolongkan sebagai persoalan berat yang menuntut kepada daya intelektual tinggi.

Batasan Kajian Ini

Kajian ini berkenaan novel Indie bertajuk *So My Liar* hasil karya Puteraery Ussin. Nama tajuk bahasa Inggeris dipilih kerana mempunyai nilai komersial. Seterusnya mempunyai perkaitan dengan jalan cerita dan memenuhi ciri-ciri novel indie. Karya ini ditulis dan dicetak sendiri bertujuan untuk mengutip dana bagi merealisasikan program-program di MRSM.

Penulis telah menghasilkan novel Blok C – Syoknya di Asrama 2014 (terbitan Galeri Ilmu). Menyumbang Cerpen dalam Antologi Segenggam Tasbih 2014 (terbitan ASASI), menyumbang Cerpen dalam Antologi Di Pintu Kasih 2015 (terbitan ASASI). Seterusnya menulis artikel dan sajak untuk Majalah Jendela Utara Disember 2014 (terbitan DBP) dan menulis Artikel dalam Majalah Pelita Bahasa Jun 2014 (terbitan DBP). Selain itu, Buku Koleksi Soalan PT3 204 (terbitan Cerdek Publication). Buku Mentor Penulisan Hebat 2015 (terbitan Cerdek Publication). Admin Laman Web Kebun Bahasa MRSM (2012 – sekarang). Penggubal Soalan Percubaan PT3 MARA. Menyumbang karya untuk majalah maktab. Penyelaras dan editor majalah maktab (Memorabilia) 2014-sekarang). Novel You Ni- Ayat-ayat Jiwa 2010 (terbitan kaki Novel Sdn. Bhd). Novel Kelab Fixie 2012 (Terbitan Fajar Fakir Sdn Bhd). Novel Bukit Syahdu 2015 (Terbitan DBP). Novel Seronoknya bermain Tennis 2015 (Terbitan DBP). Novel So My Liar 2013 (Terbitan sendiri) dan Novel She- Kala Hati Bertaut Sayang 2016 (UUM Press).

Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan konflik. Secara tuntasnya konflik boleh menyebabkan berlakunya perubahan, pembangunan dan mencipta hubungan yang lebih baik dengan pihak yang terlibat dan sebaliknya. Konflik berlaku sama ada sengaja atau tidak sengaja bukan sahaja berlaku secara individu bersama rakan dan juga dalam masyarakat serta organisasi.

Ciri-ciri individu yang berkonflik ialah bertindak agresif iaitu berlakunya pertengkaran, pertelingkahan, keganasan dan sebagainya. Seterusnya konflik yang terselindung dan agresif iaitu kritikan dan komen secara tidak langsung, membuat sindiran atau berkelakuan sinis, membuat sabotaj dan sebagainya. Seterusnya gabungan di antara tanda konflik tersembunyi dalam cara yang pasif. Perlakuan yang dilakukan ialah tidak ingin memberi kerjasama, ponteng atau lari dari tugas dan gemar memberi alasan.

Tahap konflik dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu bermula dengan ketidakselesaian, insiden, salah faham, ketegangan dan akhirnya krisis. utama konflik ialah bermula daripada faktor dalaman dan luaran.

Analisis

Masa remaja adalah masa transisi perkembangan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa. Sehubungan itu, segala tindakan adalah mengikut kata hati. Malahan para remaja berkonflik dalam diri kerana tidak suka mendengar nasihat Tuan Pengetua.

“Cakap apa? Banyak sangat yang Tuan Pengetua dok membebel tadi, yang paling aku ingat fasal solat subuh berjemaah di surau. Tak ada orang perempuan yang datang ke surau. Hehe ...” Perlahan sahaja dia ketawa.
(2012: 2)

Sebagai seorang pelajar yang masih lagi muda dan mentah pelajar sekolah ini sepatutnya mendengar nasihat demi kebaikan diri. Hal ini bersesuaian dengan ayat 11 dalam Surah Al Mujadalah;

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Ertinya:

Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara mu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat

Kadangkala akibat perlakuan pelajar yang berkonflik dan bertindak agresif semasa di MRSM. Semasa waktu perhimpunan lah tempat para guru akan memberi nasihat. Namun kadangkala bertukar menjadi bebelan kerana sikap pelajar itu sendiri.

Perhimpunan pagi itu menjadi seperti satu beban yang memberatkan kepada pelajar. Waktu berkumpul sepatutnya pukul 7.10 pagi, selalu akan terbabas. Lewat, malah kadang-kadang melatut – lalut dengan omelan daripada guru. Pernah juga, terjadi sudahlah perhimpunan dimulakan agak lambat, kemudian ada pula guru-guru yang marah-marah atau merungut panjang kerana sikap pelajar yang masuk ke kelas lewat. Maka, disebabkan oleh nila setitik rosak semua susu sebelanga. Oleh itu akan jadi melatut lah perhimpunan pagi tersebut.
(2012:4)

Dalam hal ini sebenarnya para pelajar sepatutnya bekerjasama iaitu harus mendengar arahan pihak pentadbir dan meninggalkan larangannya. Kalau berkonflik dan melakukan perbuatan yang tidak baik kelak akan merugikan diri sendiri. Allah telah berfirman dalam Surah Al Ashr ayat 1-3 yang bermaksud:

“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran”

Manusia yang terdidik dengan adab yang sempurna melalui proses pendidikan yang bermatlamat moral serentak dengan tunjangan keagamaan yang mantap berupaya menjadi insan yang baik dalam setiap ruang dan peluang yang diberikan kepadanya (2012:8). Namun

demikian berbeza dengan pelajar MRSM ini akibat konflik yang melanda diri masing – masing, terdapat pelajar yang bertindak tidak memberi kerjasama iaitu:

Sudah menjadi *trend* rakan-rakannya semua mesti menyumbat alat *fon MP3* ke telinga masing-masing. Dia merasa pelik. Semasa di sekolah lamanya dahulu semua itu tidak ada. Manakala di sini setiap orang pasti akan memilikinya. Kalau tiada itu yang menjadi janggal
(2012: 4)

Allah berfirman dalam Surah Yunus. Ayat 72.

فَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَمَا سَأَلْتُكُمْ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى
اللَّهِ وَأُمِرْتُ أَنْ أكونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٧٢﴾

Oleh itu, jika kamu berpaling membelakangkan peringatan ku, maka tidaklah menjadi hal kepada ku, kerana aku tidak meminta sebarang balasan daripada kamu (mengenai ajaran agama Allah yang aku sampaikan itu); balasan ku hanyalah dari Allah semata-mata (sama ada kamu beriman ataupun kamu ingkar) dan aku pula diperintahkan supaya menjadi dari orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah).

Dalam hal ini setiap tindakan perlukan rasional janganlah emosional. Ini penting bagi kemajuan diri. Orang Yang berkonflik dan tidak senang dengan orang lain akan merasakan segala perbuatan dan gerak-gerinya diperhatikan. Walaupun tidak berkaitan, namun tetap menyalahkan orang lain.

“Yang kau orang sakit hati sangat dengan orang lain kenapa?” Agak kut. Shikin berasa geram. Dia merasakan seolah-olah perbualan antara Madhi dengan Aiza menyindir dirinya.
(2012: 24)

Konflik juga berlaku apabila berlaku perebutan sesuatu jawatan. Pemimpin bermaksud individu yang dilantik secara formal atau tidak formal oleh sesuatu orang atau organisasi yang berusaha untuk menjayakan matlamat atau objektif yang dipersetujui. Shikin adalah watak yang berkonflik dalam diri dan tidak menyetujui rakannya yang dilantik sebagai ketua *batch*.

“Huh, perangai suka dengki dekat orang. Tak cukup lagi ke kau dah rampas jawatan ketua *batch* ini daripada aku masa aku pergi sukan hari tu? Shikin semakin menyinga. Sikap lembut Madhi memberi dia ruang untuk terus bersuara dengan kasar. Dia juga semakin berani dan berapi-rapi.
(2012: 49)

“Kau tengoklah orang gila kuasa itu Mizah, dah la rampas jawatan ketua *batch* daripada aku, lepas itu suka pula dengki dekat aku. Entah-entah, dia juga yang sebar fitnah aku *bercouple* dengan budak *form 3* itu.” Shikin semakin menyinga.

(2012: 50)

Allah SWT berfirman ayat 12 Surat Al Hujaraat menyarankan agar bersikap baik dan jangan berprasangka buruk:

"Hai orang-orang yang beriman, jauhi lah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian dari prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain,"

Sebagai seorang ketua segala tindak –tanduk ahlinya perlulah di ambil perhatian. Terutamanya rakan yang membawa masalah dalam kumpulan. Madhi sedar dan mahukan keharmonian dalam kumpulannya.

Sejak mereka merancang untuk melancarkan program tabung Somalia, Shikin langsung tidak membantu. Malah boleh dikatakan cuba mensabotaj kumpulan mereka. Sakit hati sungguh-sungguh apabila mendengar cerita daripada kawan-kawannya. Shikin kata itu, shikin kata ini...Semua yang dirancang ada sahaja yang tidak elok di mata Shikin. Dia selaku ketua batch perlu menangani kudis itu agar tidak melemahkan semangat kawan-kawannya yang lain.

(2012: 85-86)

Sepandai - pandai tupai melompat akan jatuh ke tanah jua akhirnya. Menggunakan telefon bimbit dan berkasih – kasih dalam MRSM tidak dibenarkan. Malahan menjadi kesalahan yang amat besar. Namun Shikin walaupun dinasihati oleh rakan – rakannya tetapi tidak diendahkan. Akhirnya dia menerima balasannya.

“Semalam Shikin kanto dengan budak *form 3* itu...

Selalu sangat pada setiap malam Shikin yang berada satu bilik dengannya tu akan bergayut di telefon. Malah terlalu lama bersembang dan ketawa sambil ketawa mengekek-ngekek.

“Dia keluar semalam ke blok akademik untuk jumpa dengan budak itu. Katanya nak bagi tahu untuk calash sementara...” Aiza memulakan cerita.

Adoi, siapa yang tangkap?”

“Encik Kacak... Shikin balik ke dorm semalam terus menangis kata dia menyesal.

(2012: 128-129)

Kesalahan Shikin bukan itu sahaja, malahan beliau sanggup untuk menganiaya rakan baiknya dalam pertandingan mengumpul duit untuk Somalia. Akibat konflik dalaman yang melampau beliau sanggup memberitahu kumpulan lain jumlah pungutan duit. Ekoran itu, pungutan MRSM tewas sebanyak 5 sen sahaja dan tidak berjaya untuk pergi ke Somalia.

Perasaan sedih itu seolah-olah melingkari ke dalam sanubarinya. Mahunya tidak sedih apabila tewas mereka bukan kerana ketandusan aktiviti tetapi kerana jumlah wang yang tidak banyak seperti sekolah-sekolah lain.

(2012: 132)

“Hah, tak sangka sungguh dia akan buat dekat kita macam ni...” Madhi tertunduk lesu setelah melihat pesanan ringkas yang ditunjukkan oleh Aiza.

“Sorry, aku yang bagi tahu dia tentang jumlah kutipan ni. Tak sangka pula dia akan bagi tahu dekat kawan dia. “Jelas terpamer kekesalan pada wajah Aiza. (2012: 135)

Apabila MRSM dapat mengesan perbuatan tidak baik Shikin akhirnya dia ditukarkan ke sekolah lain. Konflik yang alami dicampur dengan dendam akhirnya memudaratkan diri sendiri:

Selepas hukuman diputuskan oleh Jemaah Disiplin Sekolah, Shikin terus dibawa pulang oleh ibunya. (2012: 134)

Sebagai manusia yang diberi akal dan fikiran yang waras, setiap tindakan perlulah di pertimbangkan terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara.

Buat baik akan dibalas baik. Hal ini berlaku kepada Madhi seorang ketua *batch* yang bertanggungjawab dan berdedikasi. Segala yang dilakukannya adalah dari keikhlasannya sebagai seorang pelajar. Tanpa disangka-sangka walaupun kumpulan mereka mendapat tempat kedua namun berita dari pengetua sangat mengembirakan:

Saya baru dapat faks daripada pihak MICE dan MERCY Malaysia yang kita juga akan terbang ke Somalia...” (2012: 146)

Setiap kebaikan yang dilakukan walau hanya sebesar zarah (kecil) akan dibalas, begitu pula yang beramal kebaikan walau kecil akan dibalas. Dan perlu diketahui bahawa kejadian pada hari kiamat begitu dahsyat, manusia akan berasa hairan kenapa bumi yang biasa tenang jadi bergoncang.

Allah *Ta'ala* berfirman dalam Surah Al Zalzalah atay 1-8.

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زُلْزَالَهَا (1) وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا (2) وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا (3)

يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا (4) بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا (5) يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا

أَعْمَالَهُمْ (6) فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (7) وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (8)

“Apabila bumi digoncangkan dengan goncangan (yang dahsyat), dan bumi telah mengeluarkan beban-beban berat (yang dikandung) nya, dan manusia bertanya: “Mengapa bumi (menjadi begini)?”, pada hari itu bumi menceritakan beritanya, karena sesungguhnya Rabbmu telah memerintahkan (yang sedemikian itu) kepadanya. Pada hari itu manusia ke luar dari kuburnya dalam keadaan bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka. Barang siapa yang mengerjakan kebaikan sekecil apa pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan sekecil apa pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula.”

Kesimpulan

Secara keseluruhannya alam remaja merupakan alam yang banyak sekali dugaan dan cabaran. Karya Indie *So my liar* memaparkan kisah remaja dari MRSM yang berusaha mengumpul dana untuk Somalia. Usaha murni itu telah mendapat tentangan daripada rakan baik yang berkonflik dalam diri dan tamakkan jawatan. Konflik dalaman dan luaran telah berlaku dalam dirinya. Ini menyebabkan tindakan di luar kawalan. Segala yang baik akan dibalas baik dan buruk akan mendapat balasannya. Bagi mengatasi masalah konflik ini seseorang remaja mesti mendekati diri dengan Allah SWT. Pengawalan diri bertindak secara rasional dan tidak emosional adalah penting. Segala perlakuan mestilah bertindak dengan berlandaskan Islam dan meninggalkan segala larangannya.

Rujukan

- Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2012). *Pendidikan pembangunan modal insan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Condiffe (1995). *Conflict Management: A practical Guide*. SAGE Publications. Inc. India
- Fadhilah Sarnap (2001). *Pembinaan sistem kekeluargaan Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Fo'ad Sakdan (2005). *Pengurusan konflik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nasir Omar (2005). *Akhlaq dan kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Dristriutors.
- Noraini Ahmad (1995). *Kaunseling remaja pengalaman peribadi seorang kaunselor*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Robiah Kulup (1995). *Remaja dan kepimpinan persatuan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fo'ad Sakdan dan Muhammad Fuad Othman. (2012). *Pengenalan kepada pengurusan konflik antarabangsa*. Sintok: UUM Press.
- Putraery Ussin (2012). *So my liar*. Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd.
- Nor Shuhada binti Rosli (2014). *Paparan Identiti oleh remaja kajian kes terhadap beberapa blog pilihan*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norhana binti Bakhary (2002). *Awalan Pe(N) dalam novel "Sandera" satu analisis bentuk dan makna*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Sintok: Universiti Sains Malaysia
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005). *Pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nun Haslina binti P. Ramli (2007). *Persoalan dalam novel Norhayati Berahim*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zurina Abu (2011). *Faktor Tingkah laku devian dalam kalangan remaja*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Zurina Abu (2011). *Faktor Tingkah laku devian dalam kalangan remaja*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Lacey, H *et al.* (2009). *Affective Education throught Best Practice and Conflict Resolution*. Diterima pada — Februari, 2010, daripada <http://books.google.com.my>
- Diperoleh pada Jun 12,2017, daripada <http://tadabburmadeeasy.com/2017/07/09/konflik-nak-upload-ayat-mana/>
- Diperoleh pada Julai 22,2017, daripada <https://yspalihsan.wordpress.com/2013/05/12/islah-konsep-islam-dalam-penyelesaian-konflik/>
- Diperoleh pada Ogos 11,2017, daripada http://www.academia.edu/6108281/TEORI_KONFLIK_DALAM_PERSPEKTIF_HUKUM_ISLAM_INTERKONEKSI_ISLAM_DAN_SOSIA

Diperoleh pada Ogos 31,2017, daripada <http://www.ukm.my/skim/wp-content/uploads/2016/01/Konsep-Pengurusan-Konflik-Melalui-Perspektif-Barat-Dan-Islam.pdf>

Diperoleh pada Ogos 16,2017, daripada <https://nikalila.wordpress.com/2012/03/24/teori-konflik-pelbagai-pihak/>